

LAPORAN PROGRAM KEPIMPINAN

LATIHAN INDUSTRI

PERINGKAT DIPLOMA 2011

Oleh : En. Mohd Hairi Bin Osman

1.0 Latarbelakang

Bengkel Kepimpinan Latihan Industri (Intra) 2011 di adakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang organisasi-organisasi baru yang menuntut kepelbagaian kemahiran semasa mereka mengikuti latihan industri kelak. Program ini merupakan salah satu program Rakan Pendamping Siswa 7 Pillars yang perlu diikuti oleh semua pelajar UniMAP sebelum bergraduasi.

Bengkel Kepimpinan Intra 2011 dianjurkan oleh Pusat Kerjasama Industri dengan kerjasama pasukan INTEAM UniMAP dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan serta sekretariat Rakan Pendamping Siswa (RPS) JHEPA yang mana melibatkan pelajar-pelajar Tahun Tiga UniMAP (Sarjana Muda & Diploma) yang bakal menjalani Latihan Industri.

Intra merupakan salah satu program yang dijalankan bagi memenuhi syarat yang telah ditentukan oleh "Board of Engineers Malaysia" yang mana boleh dirujuk pada klausula 6.1.2 : " Requirements for Degree Programme" iaitu :

"Industrial training shall be for a minimum of a two month duration to qualify for consideration under the related subjects. Credit hours allowed are 2 credit hours for the first two months and 2 credit hours per month for the following months, subject to a maximum of 6 credit hours. The training shall be adequately structured, supervised and recorded in logbooks/reports."

Melalui program ini, para pelajar akan ditempatkan di industri-industri/ syarikat-syarikat mengikut kesesuaian bidang masing-masing dalam tempoh selama 12 hingga 16 minggu mengikut syarat yang telah ditetapkan. Program ini akan menyumbangkan 6 unit kredit kepada kursus EIT300 dan DIT 361.

2.0 Objektif

- Menghasilkan graduan yang mempunyai daya saing untuk cemerlang, berhemah tinggi, dan mempunyai daya tahan cabaran yang kental dari segi rohani dan jasmani.
- Menerapkan ciri-ciri kepimpinan dan kerjasama berpasukan dalam sesuatu organisasi.
- Memberi latihan keyakinan dan jati diri dalam menghadapi cabaran di alam pekerjaan.

- Memberi penerangan kepada pelajar yang bakal menjalani Latihan Industri tentang peraturan-peraturan, garis panduan serta kehendak pihak Industri dan UniMAP.
- Melengkapkan para pelajar dengan persediaan serta maklumat-maklumat asas bagi menjalani Program Latihan Industri.
- Memberi motivasi kepada para pelajar supaya dapat memberikan imej yang baik di industri / syarikat sepanjang tempoh Latihan Industri.

3.0 Maklumat Program

Butiran program ini adalah seperti di bawah:

Tarikh	: 09 Oktober 2011
Tempat	: Dewan Sebaguna Kg.Wai (Kuala Perlis)
Penceramah	: i) Mohd Rudyhizat Mahmud – Silterra Malaysia ii) Wan Zurina Wan Isa - Consultant

4.0 Tentatif Program

MASA	AKTIVITI
8:30 pg	Ketibaan Pelajar
9:00 pg	Sesi 1 bersama Industri Tajuk : Latihan Industri sebagai asas kerjaya
11.00 pg	Sesi 2 Pengalaman menjalani Latihan Industri
12:30 tgh	Rehat
2.30 ptg	Sesi 3 Penulisan 'Log Book' & Report Latihan Industri
3.30 ptg	Bersurai

5.0 Ringkasan Program

Program kepimpinan Intra peringkat diploma ini telah berlangsung di Dewan Serbaguna Kg.Wai yang melibatkan seramai 296 pelajar tahun 3 diploma. Program ini melibatkan 2 orang penceramah dari industri dan seorang wakil penyelaras latihan industri.

